

U GB 16-04 00203 BA243

bah

Mahathir - PUNB

PM KATA PUNB BUKAN INSTITUSI KEBAJIKAN

MELAKA, 16 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) bukan sebuah institusi kebajikan yang memberi bantuan kewangan kepada usahawan yang ingin memulakan perniagaan.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, PUNB ditubuhkan sebagai sebuah badan yang mempunyai kepakaran untuk mengkaji sesuatu projek dan melabur dalam projek itu dan bukan memberi bantuan kewangan kepada pencadang projek.

"Kita sudah ada banyak institusi yang meminjamkan wang sebagai modal kepada pencadang projek dan PUNB tidak perlu memainkan peranan itu," katanya kepada pemberita selepas mengakhiri lawatan ke Melaka.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar hari ini mengenai perletakan jawatan Ketua Eksekutif PUNB, Raja Datuk Aman Ahmad dan dua Pengurus Besar PUNB, Ishak Hashim dan Nik Amin Nik Abdul Majid.

Katanya, pencadang projek tidak sepatutnya berharap dengan ideanya itu ia dapat meminjam wang daripada PUNB untuk menyertai projek yang dicadangkannya itu.

Sebaliknya, katanya, PUNB hanya menimbangkan projek yang dicadangkan dan melabur dalam projek itu setelah mengambil kira daya untungnya.

Menurutnya, semua pihak, terutamanya pihak yang berminat bekerjasama dengan PUNB, mesti faham tujuan penubuhan perbadanan itu. -- Lagi.

▼16/04/17-55MST

U GB 16-04 00179 BA247

bah

Mahathir - PUNB 2 (akhir) Melaka

Perdana Menteri yang menyatakan beliau sudah tahu mengenai perletakan jawatan itu lebih dahulu berkata, perkara yang penting sekarang ialah calon yang mengisi kekosongan jawatan penting itu nanti memahami tujuan penubuhan PUNB yang bukan berfungsi sebagai sebuah agensi peminjam wang.

Katanya, beliau percaya PUNB menerima perletakan jawatan ketiga-tiga mereka selepas membuat kajian teliti mengenai prestasi mereka.

"Mungkin PUNB tersilap pilih pada masa lalu. Tak apalah dan tak salah kita meneliti semula kesilapan itu dengan mematah selangkah ke belakang untuk maju dua langkah ke depan," katanya.

Dalam hal ini, beliau mengingatkan PUNB supaya jangan mengulangi kesilapan dalam pemilihan calon bagi mengisi jawatan penting yang dikosongkan itu.

Ketika ditanya sama ada perlu bagi Lembaga Pengarah PUNB mengemukakan nama calon baru Ketua Eksekutif kepada beliau untuk mendapat persetujuan, Dr Mahathir berkata: "Itu terpulang kepada mereka. Saya hanya boleh beri pandangan sahaja...saya sendiri bukan pakar dalam hal pemilihan itu kerana ada kalanya orang yang saya pilih tak kena." -- Bernama

AH-ARH KGO NMO.